

30/10/2002

Polis sedia siasat dakwaan terhadap Azalina

KOTA BHARU, Selasa - Polis sedia menyiasat pelbagai dakwaan yang dilemparkan terhadap Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said, jika ada aduan rasmi dibuat mengenainya.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari, berkata pihaknya tidak boleh bertindak atau membuka kertas siasatan tanpa laporan.

"Kalau ada laporan rasmi, kita siasat dan kalau tidak, tak adalah (membuka kertas siasatan).

"Setahu saya, tak ada (laporan polis dibuat terhadap Azalina)," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Agung Persatuan Pegawai Kanan Polis (PPKP)/Cawangan Pegawai Warta, PPKP/Cawangan Inspektor dan Persatuan Pegawai Rendah Polis Pusat sesi 2002/2003 di Hotel New Pacific di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan, ahli Umno, Ummi Hafilda Ali, dihadapkan ke Lembaga Disiplin Umno bagi memberi keterangan atas tuduhan memfitnah, mencela dan mengeji Azalina.

Beliau turut menyatakan kesediaan menemui Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mengemukakan bukti tuduhannya terhadap Azalina.